

KERTAS 3

Kertas peperiksaan ini mengandungi satu **Tugasan Spesifik**. Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.

TUGASAN SPESIFIK

Dasar luar negara tidak statik. Secara asasnya, pembentukannya ialah proses yang dinamik. Oleh itu, dasar luar negara kita berkembang dengan mengambil kira perubahan kepimpinan serta keadaan politik dan ekonomi global yang sentiasa berubah.

Sumber : www.kln.gov.my/web/guest

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan/tugasan berikut:

Aspek	Soalan/Tugasan	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan maksud dasar luar negara.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Huraikan faktor-faktor penggubalan dasar luar negara Malaysia.	15 markah
	3. Huraikan tahap-tahap perkembangan dasar luar negara Malaysia.	15 markah
	4. Melalui dasar luar negara yang dinamik, Malaysia telah banyak menyumbang untuk keamanan dunia. Huraikan pernyataan tersebut.	20 markah
	5. Dasar luar yang dinamik amat penting terhadap negara. Berikan penjelasan.	10 markah
	6. Apakah cabaran masa kini terhadap dasar luar negara Malaysia. Berikan penjelasan.	10 markah
	7. Huraikan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran terhadap dasar luar negara Malaysia.	10 markah
	8. Apakah iktibar yang diperolehi daripada penggubalan dasar luar Malaysia? Berikan penjelasan	10 markah
Kesimpulan	9. Sediakan kesimpulan berdasarkan perkara berikut: (a) Pengetahuan yang diperolehi (b) Nilai patriotisme yang diperolehi melalui pelaksanaan dasar luar negara. (c) Harapan menjadikan negara dan bangsa Malaysia kekal unggul di mata dunia.	5 markah